

JABATAN KEHAKIMAN  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR

---

Bil.(68)d/m.JK/IP 59/54-U

Tarikh: 11hb. Mei, 1982.

Semua Yang Di Pertua,  
Mahkamah Sesyen,  
Tanah Melayu.

Semua Majisteret,  
Mahkamah Majisteret,  
Tanah Melayu.

Tuan/puan,

Pekeliling Pendaftar (U) Bil. 1 Tahun 1982

Kemasukan Perkara-perkara Jenayah kepada  
Bidangkuasa Biro Bantuan Guaman

Adalah saya diarah merujuk kepada warta bil. P.U.(A) 27 bertarikh ...hb. Januari, 1982 dalam mana Yang Berhormat Peguam Negara telah membuat perintah bagi meminda Jadual Kedua kepada Akta Bantuan Guaman 1971 dengan menambah perkara-perkara berikut kepada bidangkuasa Biro Bantuan Guaman mulai lhb. Februari 1982:-

- i) Pembicaraan Jenayah di bawah Ordinan Kanak-Kanak dan Orang Muda 1974.
- ii) Pembicaraan Jenayah di bawah Ordinan Kesalahan Kecil 1955.

2. Oleh yang demikian Yang Di Pertua-Yang Di Pertua Mahkamah dan Majisteret-Majisteret adalah diminta menghubungi pegawai-pegawai Biro Bantuan Guaman di tempat masing-masing untuk mengendalikan kes-kes berkenaan bagi pihak orang-orang yang dituduh yang tidak diwakili oleh

mana-mana peguam dan berkeleyakan untuk mendapat bantuan menurut peruntukan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971.

t.t. Siti Norma Yaakop  
Ketua Pendaftar

s.k.

- 1) Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi,  
Kuching,  
Sarawak.
- 2) Pengarah,